

25/02/1997

Dr M terima anugerah Raja Perlis

KANGAR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menerima Anugerah Cemerlang Diraja (Tuanku Raja Perlis) daripada Raja Perlis, di sini pada 15 Mac ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata anugerah itu dikurniakan pada 5 Disember lalu sempena ulang tahun peringatan Jubli Emas Pemerintahan Raja Perlis.

Menurutnya, Yayasan Tuanku Syed Putra Perlis (YTSPP) memilih Dr Mahathir sebagai penerima pertama anugerah itu sebagai menghargai jasa dan perkhidmatan cemerlang beliau kepada rakyat dan negara.

Shahidan yang juga Timbalan Pengerusi yayasan itu berkata, penganugerahan itu adalah penghargaan tertinggi daripada YTSPP dan Raja Perlis serta seluruh rakyat Perlis.

Anugerah itu yang mengandungi bintang Anugerah Cemerlang Diraja dan wang RM100,000 diberikan kepada seorang penerima setiap lima tahun sekali.

Shahidan berkata, dalam lawatan sehari Perdana Menteri ke Perlis itu, beliau dijangka melawat beberapa tempat untuk meninjau projek pembangunan.

- Bernama

(END)